



Pejabat Majlis Eksekutif Pelajar  
Aras 2 Pusat Kemudahan Kolej  
Kolej Keris Mas  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor  
Tel : +603 8921 4010 | Faks: +603 8921 4009



EKSEKUTIF PENTADBIRAN

2021/2022

RUJUKAN: KKM/MEP/004/034

TARIKH: 1 DISEMBER 2021

Kepada,

**PROF. TS. DR. KADIR ARIFIN**

Pengarah,

Pusat Pengurusan Risiko, Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (ROSH),  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Melalui,

**PROF. DATUK DR. MUHAMMAD BIN HUSSIN**

Pengetua,

Kolej Keris Mas,

Universiti Kebangsaan Malaysia.

YBhg. Prof,

**MAKLUMAN KEPADA PIHAK PUSAT PENGURUSAN RISIKO, KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN (ROSH) BERKENAAN ADUAN ANJING LIAR YANG BERKELIARAN DI KAWASAN BLOK KOLEJ KERIS MAS**

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Untuk makluman Ybhg. Prof, saya **Siti Nurhazirah binti Mohamad Taip** selaku Eksekutif Pentadbiran bagi Majlis Eksekutif Pelajar Kolej Keris Mas sesi 2021/2022 ingin memohon perhatian daripada pihak Ybhg. Prof berkenaan aduan anjing liar yang berkeliaran di kawasan Kolej Keris Mas.
- Beberapa aduan telah dibuat oleh penghuni Kolej Keris Mas tentang tentang isu anjing liar yang berkeliaran di kawasan kolej ini. Perkara ini telah menimbulkan kerisauan dalam kalangan penghuni Kolej Keris Mas kerana telah berlaku beberapa kejadian yang tidak diinginkan seperti anjing ini bergaduh di kawasan depan blok, menyerang kucing, mengejar beberapa orang pelajar dan sebagainya.
- Hal ini bukan sahaja boleh membahayakan keselamatan penghuni di Kolej Keris Mas, malahan juga menimbulkan beberapa masalah lain seperti menyepahkan sampah di kawasan sekeliling tong sampah di setiap blok serta menganggu ketenteraman penghuni kolej.
- Tujuan surat ini adalah untuk memohon perhatian daripada pihak Ybhg. Prof sekali lagi berkenaan aduan yang telah dibuat agar tindakan segera ataupun tindakan yang selanjutnya dapat diambil supaya keselamatan dan keselesaan penghuni di Kolej Keris Mas sentiasa terjamin.

6. Jika pihak Ybhg. Prof mempunyai sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, boleh hubungi saya, **Siti Nurhazirah binti Mohamad Taip (EKSEKUTIF PENTADBIRAN)** di talian **011-40356218**.

7. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan daripada pihak Ybhg. Prof dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

Yang menjalankan amanah,



-----  
**SITI NURHAZIRAH BINTI MOHAMAD TAIP**

Eksekutif Pentadbiran,  
Majlis Eksekutif Pelajar,  
Kolej Keris Mas,  
Sesi 2021/2022,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

s.k - ROSH, UKM  
- Pengetua, Kolej Keris Mas, UKM  
- Fail